



**MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT  
BATU PAHAT , JOHOR**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia keutamaan kepada Rakyat Negeri Johor yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan **jawatan** di **Majlis Perbandaran Batu Pahat**.

<b>Bil</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Klasifikasi Perkhidmatan</b>	<b>Jadual Gaji Minimum - Maksimum</b>
1.	Pegawai Tadbir	N41	Pentadbiran dan Sokongan	RM2,080.00 – RM9,546.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM225.00
2.	Jurutera	J41	Kejuruteraan	RM2,529.00 – RM9,643.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM225.00
3.	Penolong Pegawai Kesihatan dan Persekitaran	U29	Perubatan dan Kesihatan	RM1,797.00 – RM5,753.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM145.00
4.	Pembantu Penguat Kuasa	KP19	Keselamatan dan Pertahanan Awam	RM1,360.00 – RM4,052.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM100.00
5.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	Pentadbiran dan Sokongan	RM1,352.00 – RM4,003.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM100.00

**CARA MEMOHON / SYARAT LANTIKAN**

**1. Pegawai Tadbir Gred N41  
- 1 Jawatan Tetap**

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
[Gaji permulaan ialah Gred N41 : RM2,080.00] ; ATAU
- (ii) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
[Gaji permulaan ialah Gred N41 : RM2,283.43] ; DAN
- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- (i) (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
- (b) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (ii) had umur pelantikan
  - (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **2. Jurutera Gred J41 - 1 Jawatan Tetap**

### Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00].
- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) (a) mempunyai kelayakan di perenggan 2(a); atau
- (b) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia / Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (ii) had umur pelantikan
  - (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### **3. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 - 2 Jawatan Tetap**

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
[Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00 ]
- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan

- (i) (a) mempunyai kelayakan di perenggan 3(a); atau
- (b) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (ii) had umur pelantikan
- (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### **4. Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19 (Lelaki Sahaja) - 1 Jawatan Tetap dan 2 Jawatan Kontrak**

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau  
[Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00 ] ; atau
- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan;  
[Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1360.00 ] ; atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji Permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,416.40] ; atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji Permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,472.80]
- dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m;
  - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg;
  - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) diantara julat 19 hingga 26;
  - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas;
  - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- (c) calon bagi lantikan dengan kelayakan perenggan 4 (a)(i), 4 (a)(iii) atau 4(a)(iv) di atas hendaklah memiliki kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **5. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19**

### **- 1 Jawatan Tetap**

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
[Gaji Permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00]
  - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji Permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40]
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji Permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80]
- dan (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) (a) mempunyai kelayakan di perenggan 5(a); atau
- (b) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (ii) had umur pelantikan
  - (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **PENAKLUKAN DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web: [www.mppb.gov.my](http://www.mppb.gov.my)

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Batu Pahat  
Jalan Pejabat  
83000 Batu Pahat

## **TARIKH TUTUP PERMOHONAN IALAH PADA 3 JUN 2019**

## **PERHATIAN KEPADA PEMOHON:**

1. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini ;
2. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil berhenti sekolah, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun Gred 41 ke atas / Penghulu / Ketua Kampung / Pengetua / Guru Besar / Pesuruhjaya Sumpah atau mereka yang diperakui pengesahan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam;

3. Permohonan yang lewat , tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
4. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga; dan
5. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
6. Pentadbiran MPBP tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**HAJI KAMALLUDIN BIN HAJI JAMAL**

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Batu Pahat  
Jalan Pejabat  
83000 Batu Pahat

Ruj.Fail : **MPBP JKP/LPSM/LL/23 Jld 5**  
Bertarikh: **20 Mei 2019**

Layari laman web : [www.mpbp.gov.my](http://www.mpbp.gov.my)